



SIARAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

23hb Disember 2013

S.UU(B)001/13

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Lembaga Pengarah membuat Dasar yang berikut:

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSILAN HAK HARTA INTELEK UNIVERSITI) 2013

UPM memegang hak pemilikannya terhadap semua harta intelek yang dicipta atau dibangunkan oleh guru, pelajar atau staf Universiti dan beriltizam untuk mengambil semua tindakan yang perlu bagi memelihara hak ini mengikut undang-undang. Dalam menyampaikan semua idea, ciptaan dan inovasi yang dicipta melalui apa-apa penyelidikan atau selainnya di Universiti kepada masyarakat awam, komuniti Malaysia dan antarabangsa dan industri, Universiti berpendirian bahawa semua manfaat yang terhasil daripada harta intelek tersebut hendaklah

disebarkan bagi faedah bersama masyarakat tanpa menjejaskan kepentingan Universiti secara umumnya. Penyebaran itu boleh dilakukan melalui cara-cara pengkomersilan yang telah ditetapkan oleh Universiti, dari semasa ke semasa, bagi Universiti memperoleh pulangan kewangan yang bersesuaian bagi penjanaaan kekayaan Universiti. Bagi tujuan itu, Universiti beriltizam untuk menyediakan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif bagi guru, pelajar dan pekerjajanya mencipta dan membangunkan idea, ciptaan dan inovasi dengan menyediakan bantuan kemudahan, peralatan, sumber manusia dan kewangan bagi menjayakan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan berkaitan harta intelek Universiti.

Pemansuhan

Semua dasar lain mengenai harta intelek dan pengkomersilan hak harta intelek Universiti sebelum ini adalah dimansuhkan.

Dibuat 10 Disember 2013

[Minit Mesyuarat LPU 99/04]

[UPM/PPUU/100-1/1/5/IP ; UPM/TNCPI/RMC/100-45/F1]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

Pengerusi Lembaga Pengarah

Universiti Putra Malaysia

Disiarkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, UPM

THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

IN exercise of the power conferred by Section 20(1) of the Constitution of Universiti Putra Malaysia, the Board makes the following Policy:

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (INTELLECTUAL PROPERTY AND COMMERCIALIZATION OF INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS OF THE UNIVERSITY) POLICY 2013

Universiti Putra Malaysia holds its ownership rights to all intellectual properties created or developed by the teachers, students or staff of the University and shall be committed to take all necessary actions to protect these rights under the law. In reaching out all ideas, inventions and innovations created through any research or otherwise in the University to the general public, Malaysia and international community and industries, the University holds that all benefits derived from the intellectual properties shall be continuously disseminated for common advantage of the community without detracting the interest of the University at large. The dissemination may be carried out through methods of commercialisation determined by the University, from time to time, for the University to obtain suitable pecuniary returns for wealth creation in the University. For that purpose, the University is committed to provide the infrastructure and environment which are conducive for its teachers, students and staff to create and develop their ideas, inventions and innovations by providing facilities, equipment, human resource and financial assistance for the accomplishment of research, development and commercialisation activities involving the intellectual property of the University.

Repeal

All other policies on intellectual property and commercialisation of intellectual property rights of the University made before is repealed.

Made 10 December 2013

[Minutes of BOD Meeting 99/04]

[UPM/PPUU/1/1/5/IP ; UPM/TNCPI/RMC/100-45/F1]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

Chairman

Board of Directors

Universiti Putra Malaysia